



SIARAN MEDIA

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

TEKNOLOGI NUKLEAR PERKASA KOMUNITI: SANTUNI RAKYAT KELANTAN DEMI ASPIRASI MADANI

TUMPAT, 8 OGOS 2025 – Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) terus memperkukuh usaha memperkenalkan dan menyampaikan teknologi nuklear kepada masyarakat menerusi Program Satelit Teknologi Nuklear Santuni Kasih Rakyat sempena Program MADANI Rakyat 2025 Kelantan yang berlangsung di Jeti Kasih Kampung Pasir Pekan Tengah, Tumpat.

Dengan tema “Teknologi Nuklear Santuni Kasih Rakyat” amat bertepatan dan mencerminkan komitmen terhadap aspirasi Kerajaan MADANI dalam menyantuni rakyat dengan menekankan nilai Keilmuan, Kesejahteraan dan Keterangkuman melalui pemindahan ilmu, kemajuan sains, teknologi serta inovasi Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) terus kepada masyarakat.

Kampung Pasir Pekan Tengah dipilih kerana pelaksanaan projek pembangunan jeti terapung biokomposit di bawah inisiatif Kampung Angkat MADANI, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM). Jeti terapung ini merupakan hasil inovasi penyelidik Nuklear Malaysia yang menggunakan bahan biokomposit mesra alam serta modul apungan khas dan berfungsi sebagai hub penyaluran bantuan ketika banjir, laluan operasi untuk pasukan penyelamat, tarikan pelancongan yang berlatar belakang Sungai Kelantan.

Dalam masa yang sama, program ini turut mengetengahkan projek pertanian berasaskan teknologi nuklear khususnya projek penanaman padi di bawah Projek Dana Penyelidikan Strategik (SRF) salah satu inisiatif pembiayaan di bawah Dana Pemacu Teknologi Strategik (PEMACU) Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di beberapa kawasan di Kelantan seperti Melor dan Pasir Mas yang berkeluasan 5 hektar. Sebanyak 10 titisan padi termaju telah berjaya dihasilkan melalui projek SRF bertajuk “Development and Commercialization of Climate-Resilient Rice Varieties to Increase National Yield Production”.

Kejayaan ini adalah hasil daripada kerjasama dengan pelbagai agensi seperti UPM, UKM, UiTM dan lain lain pihak yang terlibat dengan industri padi. Penumpuan kajian ialah menjurus kepada penghasilan varieti padi yang tahan kepada perubahan cuaca yang tidak menentu seperti banjir kilat dan kemarau panjang. Hasil awal kajian juga telah mendapati bahawa ada titisan padi termaju mampu tumbuh dalam keadaan kekurangan air, matang awal, hasil tinggi dan juga tahan kepada penyakit utama tanaman padi. Projek ini sejajar dengan usaha menjamin kesejahteraan rakyat dan kelestarian sumber makanan negara disamping memperkasa petani dengan ilmu serta teknologi pertanian moden.

Program ini turut dimeriahkan dengan aktiviti menarik seperti perkongsian ilmu berkaitan teknologi nuklear, pertandingan memancing, mewarna canting kemerdekaan, sukan rakyat serta pameran interaktif teknologi nuklear dan pameran bergerak daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Yayasan Kebajikan Negara (YKN) agensi di bawah KPWK. Pendekatan ini membuktikan komitmen Nuklear Malaysia dalam menjadikan sains dan teknologi lebih inklusif, mudah diakses dan dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat selaras dengan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) 2030 dalam merakyatkan teknologi nuklear.

Majlis perasmian penutupan telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Mohammad Yusof bin Apdal, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang menegaskan bahawa pendekatan "turun padang secara berfokus" oleh agensi-agensi kerajaan selari dengan misi MADANI dalam membina masyarakat berdaya tahan, berpengetahuan dan sejahtera.

#TAMAT#

Disediakan oleh :

AGENSI NUKLEAR MALAYSIA
8 OGOS 2025



Mengenai Agensi Nuklear Malaysia

Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) adalah sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang berperanan sebagai agensi peneraju bagi mempromosi dan melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (R&D) sains dan teknologi (S&T) nuklear di Malaysia. Aktiviti R&D yang dilaksanakan melibatkan beberapa bidang utama termasuklah industri, perubatan, makanan dan pertanian, air dan sumber asli, alam sekitar, tenaga, serta keselamatan, sekuriti dan kawal selia nuklear.

Hasil R&D yang berpotensi turut diketengahkan ke pasaran untuk memanfaatkan penemuan inovasi saintifik kepada rakyat dan ekonomi negara. Bersandarkan kepakaran dan pengalaman luas dalam bidang S&T nuklear, infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang lengkap, serta disiplin tenaga kerja yang profesional, Nuklear Malaysia sentiasa komited dalam menyediakan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelbagai rakan kerjasama strategik, pelanggan, dan masyarakat keseluruhannya.

Untuk pertanyaan: Sila layari www.nuclearmalaysia.gov.my atau hubungi Unit Komunikasi Korporat, Agensi Nuklear Malaysia di talian 012-7526676.